

Pertahankan agama: Dr M

BH 11 APR 1994

Ⓟ

KUALA TERENGGANU, Ahad. — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, matlamat pembangunan negara ialah mempertahankan agama, bukan melemahkannya seperti dakwaan pihak yang tidak memahami Islam.

Menurut Perdana Menteri, usaha membangunkan negara juga sebenarnya tidak sukar kerana ia boleh dilaksanakan dengan segala kemampuan dan tata cara yang ada.

Bagaimanapun, katanya, apa yang sukar dilaksanakan ialah membangunkan semangat dan menyebarkan pengertian mengapa umat Islam perlu membangunkan negara mereka.

"Jika benar-benar ingin memajukan negara, kita harus sedar ia bukan pembangunan untuk memajukan diri semata-mata tetapi ia sebahagian

daripada tanggungjawab kepada agama," katanya berucap menutup Seminar Islam dan Pembangunan Terengganu Darul Iman di sini petang ini.

Sehubungan, dengan itu, kata Perdana Menteri, umat Islam harus mempelajari semua ilmu selain pengetahuan agama untuk melengkapkan diri dengan segala kebolehan pada zaman moden.

Menurutnya, pembangunan dan kemajuan tidak dapat dilaksanakan melalui pelajaran agama saja tanpa pengetahuan dalam bidang lain seperti sains dan matematik.

"Bahkan untuk mentadbir negara moden, kalau cuma mempunyai pengetahuan agama tanpa pentadbiran saintifik, kita akan menjadi bangsa dan negara yang mundur," katanya.

Dr Mahathir berkata, ti-

dak ada ertinya jika umat Islam memuliakan agama tetapi mereka tidak dapat mempertahankan agama sebagaimana yang berlaku di semua negara umat Islam.

Beliau menjelaskan, sikap sesetengah ulama yang terlalu sayangkan kuasa dan pengaruh menyebabkan mereka cuba menghalang ummah mempelajari ilmu moden walaupun pengetahuan sedemikian dapat membangunkan bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata, keruntuhan empayar Islam Turki berpunca daripada sikap ulama yang takut kehilangan pengaruh terhadap raja-raja sehingga sanggup memisahkan ilmu dan pengetahuan daripada agama.

"Ulama sedemikian bukan saja mengasingkan ilmu yang mereka katakan sekular tetapi juga

mentafsirkan bahawa apa saja yang bukan dari agama sebagai tidak perlu dipelajari kerana bertentangan dengan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu mengubah sikap dengan menyedari tanggungjawab membangunkan bangsa dan negara adalah tuntutan agama, dan boleh dilaksanakan dengan mempelajari apa saja ilmu yang boleh memajukan negara.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut mengadakan dialog tertutup dengan peserta seminar itu yang dianjurkan bersama oleh kerajaan negeri Terengganu dan Institut Ke-fahaman Islam Malaysia (Ikim).

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.